



## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

RH. JOHNSON, SG. RIAN, JALAN PAKAN, BINTANGOR

BAHAGIAN SARIKEI, SARAWAK (PELANJUTAN TEMPOH)

KEMASKINI : 27 APRIL 2021

### Aktiviti yang dibenarkan

- Mendapatkan Bekalan Makanan
- Mendapatkan rawatan kesihatan

### Aktiviti yang tidak dibenarkan

- Pergerakan dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Orang luar tidak dibenarkan memasuki kawasan tempatan jangkitan PKPD tanpa kebenaran PDRM

### Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan JPBN Sarawak; dan
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

Waktu Berkuat Kuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Dibenarkan dengan bersyarat

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan              | Penerangan Ringkas  |
|-----------------------|---|
| Kawasan yang Terlibat | Rh. Johnson, Sg. Rian, Jalan Pakan 96500 Bintangor  |
| Tempoh Berkuat Kuasa  | 27 April 2021 (12.01 pagi) sehingga 10 Mei 2021 (11.59 malam)   |
| Kawalan Pergerakan    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM, RELA &amp; PBT.</li> <li>• Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup.</li> <li>• Pergerakan keluar masuk pegawai bertugas ke dalam kawasan PKPD adalah tidak dibenarkan. Pertimbangan boleh diberikan oleh pihak PDRM dan KKM berdasarkan case to case basis.</li> <li>• Tiada tetamu dan pelawat luar dibenarkan masuk dalam tempoh PKPD berkuatkuasa.</li> <li>• Semua penduduk di kawasan terlibat <b>tidak dibenarkan keluar daripada rumah masing-masing.</b></li> <li>• Semua rumah ibadat dan sekolah di dalam kawasan PKPD ditutup sepanjang tempoh ini.</li> <li>• Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi.</li> <li>• KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat.</li> </ul> |



## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

RH. JOHNSON, SG. RIAN, JALAN PAKAN, BINTANGOR

BAHAGIAN SARIKEI, SARAWAK (PELANJUTAN TEMPOH)

KEMASKINI : 27 APRIL 2021

### Aktiviti yang dibenarkan

- Mendapatkan Bekalan Makanan
- Mendapatkan rawatan kesihatan

### Aktiviti yang tidak dibenarkan

- Pergerakan dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Orang luar tidak dibenarkan memasuki kawasan tempatan jangkitan PKPD tanpa kebenaran PDRM

### Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan JPBN Sarawak; dan
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

Waktu Berkuat Kuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Dibenarkan dengan bersyarat

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan           | Penerangan Ringkas  |
|--------------------|---|
| Kawalan Pergerakan | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk tidak dibenarkan untuk keluar/masuk ke/dari kawasan PKPD.</li> <li>• Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian adalah dibenarkan tetapi perlu kemukakan permohonan pergerakan kepada pihak PDRM. Wakil keluarga boleh menghubungi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian Sarikei atau Bilik Operasi PKPD.</li> <li>• Sumbangan bantuan oleh NGO sepanjang tempoh PKPD melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian Sarikei.</li> <li>• Pemberian bantuan bekalan makanan akan diselaraskan secara bersama oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian Sarikei.</li> <li>• Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan.</li> <li>• Penduduk tidak dibenarkan untuk mengerjakan ladang, kebun, huma atau sawah sepanjang tempoh PKPD.</li> </ul> |